

Permohonan Muhyiddin rujuk kes hasutan didengar hakim lain


Kuala Lumpur: Permohonan bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk merujuk persoalan undang-undang berhubung kes hasutan yang dihadapinya ke Mahkamah Persekutuan, akan didengar di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Muhammad Jamil Hussin.

Ahli Parlimen Pagoh itu membuat permohonan memindahkan kes berkenaan kerana Muhammad Jamil hakim sama mendengar kes hasutan terbabit, yang didakwa dilakukan ketika kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Nenggiri pada Ogos tahun lalu.

Permohonan Muhyiddin un-

tuk merujuk persoalan undang-undang itu mengikut Seksyen 84 Akta Mahkamah Kehakiman 1964, sebelum ini ditetapkan untuk didengar di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Azhar Abdul Hamid.

Pada prosiding semalam, Azhar membenarkan permohonan Muhyiddin supaya isu membatikan persoalan undang-undang itu didengar di hadapan Muhammad Jamil, selepas tidak dibantah oleh pendakwaan yang diwakili Timbalan Pendakwa Raya Abdul Malik Ayob.



Muhyiddin Yassin

Sementara itu peguam bela, Amer Hamzah Arshad yang mewakili Presiden BERSATU itu berkata, persoalan undang-undang berkenaan berbangkit daripada kes hasutan yang dihadapi Muhyiddin.

Katanya, kes hasutan di Mahkamah Tinggi 4 di hadapan Muhammad Jamil ialah kes utama dan sudah ditetapkan untuk perbicaraan di mahkamah sama dan dokumen berkaitan juga sudah diserahkan oleh pihak pendakwaan.

“Kami telah membuat permohonan untuk merujuk persoalan

undang-undang dan ia mulanya telah didaftarkan di hadapan Yang Arif (Azhar).

“Sehubungan itu, pihak kami memohon supaya permohonan itu didengar di hadapan Yang Arif Hakim Datuk Muhammad Jamil,” katanya.

Muhyiddin sebelum ini memohon untuk mencabar kesahihan peruntukan tertentu dalam Akta Hasutan 1948 kerana mendakwa ada ‘kesukaran luar biasa’ yang timbul dalam akta itu.

Muhyiddin, 77, mengaku tidak bersalah atas pertuduhan menyebut perkataan menghasut semasa kempen PRK DUN Nenggiri di Dewan Semai Bakti FELDA Perasu, di antara jam 10.30

malam dan 11.50 malam, 14 Ogos 2024.

Kenyataan menghasut itu berkenaan dakwaan beliau tidak dijemput oleh Yang di-Perutusan Agong selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) untuk mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri walaupun dikatakan mempunyai sokongan 115 daripada 222 Ahli Parlimen pada masa itu.

Beliau didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 4 (1) (b) Akta Hasutan 1948 yang boleh dihukum mengikut Subseksyen 4 (1) akta sama, membawa hukuman denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya.